

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE
KAWASAN : KOTA TINGGI

SOALAN :

YB DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kementerian akan meneruskan perancangan pembinaan jalan di Kampung Sedili Besar seperti yang telah diluluskan sejak 2012 dan bilakah ianya akan dilaksanakan bagi memudahkan penduduk dan pelancong di kawasan berkenaan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini amat komited dalam melaksanakan projek-projek infrastruktur demi untuk kemudahan dan kesejahteraan rakyat. Walau bagaimanapun, jalan-jalan di persekitaran Kampung Sedili Besar, Kota Tinggi, termasuk jalan utama ke kampung tersebut merupakan jalan luar bandar dan jalan negeri. Oleh yang demikian, segala cadangan mahupun kerja-kerja menaiktaraf ke atas jalan-jalan tersebut adalah di bawah tanggungjawab pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) dan juga Kerajaan Negeri Johor.

Sekian, terima kasih.